

**KONSEP ISLAM HADHARI DI DALAM FILEM ‘ SYUKUR 21’ (2000) DAN  
FILEM ‘PEREMPUAN MELAYU TERAKHIR’ (1999)**

**KASMAH BINTI MAIDIN**

**LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN  
DARIPADA SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA (KEP) SENI**

**LAYAR**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**09 NOVEMBER 2006**

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah. Bersyukur saya ke hadrat Ilahi, atas limpah kurnianya. Atas berkat kesabaran dan sokongan daripada keluarga dan rakan-rakan saya telah berjaya menyiapkan latihan ilmiah ini dengan jayanya. Terutamanya kepada ayah saya iaitu En. Maidin bin Janeh dan juga emak saya Pn. Jamliyah binti Atir yang selama ini memberikan dorongan dan juga sumber kewangan, sepanjang tempoh pengajian saya di Fakulti Teknologi Kreatif dan Artisik.

Jutaan terima kasih kepada yang teramat sangat kepada En. Mohd Erman Bin Maharam yang telah memberi tunjuk ajar dan nasihat sehingga saya selesai menghasilkan latihan ilmiah ini. Tidak lupa juga kepada pensyarah-pensyarah fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik yang turut memberi sumbangan idea kepada saya di dalam menjayakan latihan ini.

Akhir sekali tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang mengambil subjek ilmiah ini, di atas kesudian mereka berkongsi ilmu dengan saya sehingga selesainya latihan ilmiah ini. Terima kasih atas segalanya semoga kita mencapai kejayaan. Tidak lupa kepada rakan serumah saya iaitu Marziah, Syahfiza, Mahizan,

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk melihat aspek Islam Hadhari yang terdapat di dalam Filem ‘Syukur 21’ dan Filem ‘Perempuan Melayu Terakhir’. Disamping itu, pengkaji ingin mengungkap elemen Islam Hadhari dan sejauhmana kewujudannya menerusi filem ‘Syukur 21’ dan filem ‘Perempuan Melayu Terakhir’. Walaupun Islam Hadhari baru diperkenalkan namun di dalam filem ‘Syukur 21’ dan filem ‘Perempuan Melayu Terakhir’ pengkaji dapat melihat adanya unsur Islam Hadhari yang diketengahkan oleh pengarah iaitu Mohd Aliff Najmi dan juga Erma Fatima. Selain itu, pengkaji akan menganalisa filem tersebut bagi memperkuatkan lagi hujahan terhadap kajian ini.

## **KANDUNGAN**

## **HALAMAN**

PENGESAHAN	i
TAJUK	ii
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv-v
ABSTRAK	vi
ABSTRACT	vii
ISI KANDUNGAN	viii

## **BAB 1 PENDAHULUAN**

1.1 PENGENALAN	1
1.2 DEFINISI ISLAM HADHARI	4
1.3 ELEMEN-ELEMEN ISLAM HADHARI	5
1.4 PERGERAKAN ELEMEN ISLAM HADHARI DI DALAM ‘FILEM SYUKUR 21’	11
1.5 PERGERAKAN ELEMEN ISLAM HADHARI DI DALAM ‘PEREMPUAN MELAYU TERAKHIR’	13

## **BAB 1: PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Kestabilan negara kita kerana ianya mengamalkan sistem demokrasi dan Raja Berpelembagaan, dengan termeterainya konsep ini maka suasana politik mendorong kepada perkembangan ekonomi di dalam kehidupan bermasyarakat. Sinema Nasional yang dipaparkan dalam visual merupakan satu konsep yang diketengahkan oleh pengarah untuk memperlihatkan kepada masyarakat sebagai satu kehidupan sosial, budaya, politik dan agama yang diamalkan oleh sesebuah negara tersebut. Di Malaysia sendiri ianya terdiri daripada masyarakat berbilang kaum iaitu Melayu, Cina dan India yang mengamalkan budaya masing-masing.